

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Menurut Edward L. Vockell dan J. William Asher, kajian adalah suatu yang perlu dilakukan untuk memperjelaskan permasalahan sebenar.<sup>1</sup> Kajian yang dijalankan oleh penulis ini bersifat kualitatif kerana ia membentuk interpretasi berdasarkan maklumat yang jelas, mendalam dan umum tentang situasi yang dikaji. Antara strategi yang terangkum dalam kajian kualitatif ialah penggunaan kajian lapangan, pengkaji berada dan melibatkan diri dalam situasi yang dikaji, mengemukakan soalan terhadap andaian dan sistem sosial yang sedia ada dan mempunyai persepsi yang holistik, luas dan mendalam terhadap sistem sosial sedia ada dan orang-orang yang terdapat dalamnya.<sup>2</sup>

Kajian Kualitatif mengkaji *setting* yang natural untuk melihat faktor-faktor yang mungkin memberikan makna terhadap situasi yang dikaji. Ia mengemukakan *insights* terhadap sebab-musabab di sebalik sesuatu peristiwa yang dikaji. Keistimewaan kajian kualitatif ialah ia dilaksanakan oleh pengkaji yang bersifat sebagai pemerhati yang berpeluang untuk bersama-sama secara dekat dengan

<sup>1</sup> Edward L. Vockell & J. William Asher (1995), *Educational Research*. New Jersey: Printice-Hall, h. 191

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 192

situasi yang dikaji, memerhati dan mengalami sendiri secara natural.<sup>3</sup> Dalam bidang pendidikan, kajian kualitatif telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pemahaman akan proses pendidikan dan konteksnya.<sup>4</sup>

### **3.1 Skop Perbincangan**

Dalam bab ini penulis membincangkan secara detail tentang cara kajian dilaksanakan. Tumpuan utama penulis ialah tentang metode pengumpulan data dan penganalisaannya. Ketika membincangkan aspek pengumpulan data penulis memfokuskan kepada teknik-teknik mendapatkan data untuk kajian yang merangkumi kajian perpustakaan, kajian laman web, pemerhatian, pengalaman, temubual, borang maklumat, soal selidik dan dokumentasi. Manakala metod penganalisaan data difokuskan kepada bagaimana data yang diperolehi dianalisa berdasarkan analisa SWOT (*strengths, weaknesses, opportunities, threats*).<sup>5</sup> Selain itu penulis juga menggunakan kaedah komparatif atau perbandingan serta kaedah induktif dan deduktif.

### **3.2 Metode Pemerolehan Data**

Terdapat beberapa teknik yang penulis gunakan dalam proses mendapatkan data bagi kajian ini:

---

<sup>3</sup> *Ibid*, h. 213

<sup>4</sup> *Ibid*, h 193

\* <sup>5</sup> SWOT adalah sejenis alat analisa strategik untuk menganalisa operasi organisasi bagi merangka plan strategik untuk memperbaiki perjalanan organisasi tersebut. Lihat Arthur Young (1986), *The practical Guide to Successful Management*. London & Sydney: Sphere Reference, h. 48

### **3.2.1 Kajian Perpustakaan**

Menurut Mohd Sheffie Abu Bakar, teknik kajian perpustakaan merupakan teknik yang sangat popular bagi kajian dalam bidang ekonomi dan sains sosial. Kebaikan teknik ini ialah ia dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga bagi memperolehi data kerana data yang dikemukakan oleh penyelidik lain biasanya telah diproses terlebih dahulu.<sup>6</sup> Bahan-bahan perpustakaan telah penulis perolehi daripada beberapa buah perpustakaan iaitu:

- (i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- (ii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- (iii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri
- (iv) Perpustakaan INSANIAH, Alor Star, Kedah
- (v) Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
- (vi) Perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Perlis dan
- (vii) Perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis, Kangar, Perlis
- (viii) Perpustakaan Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis

Di samping itu, penulis juga menggunakan buku-buku daripada koleksi peribadi iaitu koleksi peribadi rakan sepengajian penulis, Ustaz Mohd. Akram bin Haji Dahlan, koleksi peribadi rakan setugas penulis, Ustazah Puan Norma binti

<sup>6</sup> Mohd Sheffie Abu Bakar (1987). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41

Mustaffa, koleksi perobadi sahabat penulis, En.Rosdi bin Baharom, koleksi peribadi isteri penulis, Puan Rohaga binti Abdul Rahman dan koleksi peribadi penulis sendiri. Penulis telah menggunakan teknik ini dalam penulisan di bab I, II, III dan IV.

### 3.2.2 Temubual

Jawapan kepada permasalahan yang dikaji mudah diperolehi dengan membenarkan objek yang dikaji bercakap bagi pihak mereka sendiri. Dalam temubual secara berstruktur, isi kandungan dan prosedurnya disusun atur terlebih dahulu dan penemubual menyoal berdasarkan soalan yang disenaraikan satu-persatu. Manakala temubual secara tidak berstruktur, keadaannya lebih terbuka dan lebih fleksibel.<sup>7</sup> Biasanya, seorang pengkaji akan menstrukturkan soalan-soalan yang ditanya agar jawapan yang diberi itu relevan dengan tujuan kajian pengkaji itu. Namun dari segi praktikalnya, temubual itu akan menjadi semi-struktur kerana jika ia terlalu besifat struktur, ia tidak akan memberi ruang kepada yang ditemubual untuk menyatakan sepenuhnya apa yang terkandung dalam tindakan-tindakan mereka.<sup>8</sup>

Maklumat-maklumat penting tentang Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah (MATRI) penulis perolehi secara *first hand* iaitu sebagai sumber pertama kerana informan adalah mereka yang melaksanakan, mengalami dan memerhati sendiri

<sup>7</sup> Louis Cohen dan Lawrence Mánion (1986), *Research Methods in Education*, c.2. London: Croom Helm, h 293

<sup>8</sup> Richard Spring (2002), *Philosophy of Educational Research*. London & New York: Continuum, h. 39

peristiwa-peristiwa yang berlaku di MATRI. Mereka boleh dikategorikan kepada tiga kelompok utama iaitu:

- (i) Pentadbir dan guru MATRI
- (ii) Pelajar dan bekas pelajar MATRI
- (iii) Orang-orang luar daripada MATRI yang berpeluang memerhati dan bergaul dengan pelajar-pelajar MATRI.

Dalam menemubual pelajar, penulis memilih informan daripada pelajar Marhalah Khassah kerana mereka telah lama belajar di MATRI iaitu sejak tingkatan satu dan telah berada di MATRI selama tujuh tahun. Oleh itu mereka banyak mengalami perkembangan pendidikan atau tarbiah di sini. Ramai antara Mereka juga pernah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Mereka telah memberi pendapat tentang program kepimpinan di MATRI dan kesan pendidikan atau tarbiah di MATRI. Informan-informan yang telah ditemubual adalah seperti berikut:

- (i) Tuan Haji Dahlan bin Mohd Zain. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang bahasa Arab dan Syariah dari Universiti Baghdad. Beliau pernah bertugas di Lembaga Letnik Negara (sekarang TNB) di Kuala Lumpur dan kemudiannya sebagai guru di Sekolah Menengah Agama Alawiyah, Arau, Perlis. Beliau adalah pengasas dan Mudir MATRI sejak penubuhannya hingga kini. Beliau adalah informan

terpenting dalam kajian ini kerana kewujudan MATRI adalah cetusan pemikirannya sejak beliau masih mahasiswa lagi.<sup>9</sup>

- (ii) Tuan Haji Abdul Malek bin Abdullah. Beliau merupakan pemilik tanah yang asal yang menjadi tapak kampus MATRI seluas 22 relung.<sup>10</sup> Kini beliau bertugas sebagai pegawai kerani di MATRI.
- (iii) En. Azmi bin Bahari. Beliau adalah guru MATRI. Beliau merupakan Ketua Guru Koperasi MATRI dan salah seorang AJK Dakwah dan Tarbiah MATRI.
- (iv) En. Wan Mohd. Nahar bin Othman. Beliau adalah bekas pelajar Marhalah Khassah. Merupakan Ketua Pelajar MATRI tahun 2001. Pernah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- (v) En. Abu Ubaidah bin Musa. Pelajar Marhalah Khassah II 2003. Pernah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- (vi) En. Mohd. Suheil bin Rubani. Pelajar Marhalah Khassah II 2003. Merupakan Pemimpin Persatuan Bulan Sabit Merah MATRI 2002. Pernah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- (vii) En. Mohd. Shafiq bin Che' Ani. Pelajar Marhalah Khassah II 2003. Pernah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- (viii) En. Zubair bin Othman. Pelajar Marhalah Khassah I 2003. Pernah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

\*<sup>9</sup> Temubual dengan beliau pada 25 Oktober 2002, jam 8.30 pagi dan 11 September 2003, jam 11.00 pagi di Pejabat Mudir MATRI

<sup>10</sup> Temubual dengan beliau pada 11 September 2003, pukul 12.30 tengah hari di pejabat MATRI.

- (ix) Ali Hanifah bin Anuar. Pelajar Marhalah Khassah I 2003. Merupakan Platun Sarjan Kadet Remaja Sekolah (KRS) MATRI pada tahun 2002. Pernah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- (x) Mohd. Yusof Subhi bin Ibrahim. Pelajar Marhalah Khassah I 2003.
- (xi) Ahmad Mus 'ab bin Ghazali. Pelajar Marhalah Khassah I 2003.
- (xii) En. Rosli bin Abdullah. Pemilik dan pengurus Pusat Tusyen A1 yang berpejabat di Taman Haz Perrmai, Tunjung , Perlis. Taman ini terletak berhampiran MATRI.
- (xiii) En. Ahmad Yatim. Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis. Pernah tinggal beberapa tahun di Taman Melati Indah berhampiran MATRI dan kini menghantar anaknya ke Taski Ummu Aiman yang terletak di dalam kampus MATRI.

Maklumat-maklumat yang diperolehi melalui teknik temubual ini telah penulis gunakan bagi penulisan bab IV.

### **3.2.3 Soal Selidik**

Teknik soal selidik merupakan alat perolehan data yang biasa digunakan dalam kajian yang berbentuk tinjauan.<sup>11</sup> Faedah teknik ini ialah, sekiranya ia diuruskan dengan baik, ia mampu menghasilkan dapatan yang konsisten dan boleh

---

<sup>11</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1985). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur:DBP, h.67

diperdayai.<sup>12</sup> Penggunaan teknik ini membantu pengkaji memperolehi banyak maklumat dalam tempoh yang singkat.<sup>13</sup>

Soal selidik dibuat di kalangan pelajar-pelajar tingkatan lima, lelaki dan perempuan bagi mengetahui kesan pelaksanaan pendidikan atau tarbiah di MATRI. Sebahagian daripada mereka merupakan bekas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Penulis mengambil kesempatan untuk meninjau pendapat mereka tentang kebaikan Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) yang juga dikenali sebagai Pembantu Mentor. Pelajar-pelajar tingkatan lima dipilih kerana telah lima tahun belajar di MATRI yang mana dalam tempoh ini mereka telah banyak melalui program-program pendidikan atau tarbiah di MATRI.

Maklumat-maklumat yang penulis perolehi daripada teknik ini telah penulis rumuskan bagi menerangkan kesan pelaksanaan pendidikan dan kepentingan Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di MATRI. Penulis telah menggunakan teknik ini dalam penulisan bab IV.

### **3.2.4 Borang Maklumat**

Teknik borang maklumat digunakan dengan meminta informan mengisi borang yang sudah dimuatkan dengan soalan-soalan tertentu. Teknik ini berbeza dengan

<sup>12</sup> Ward Mitchell (1990), *Panduan Amali untuk Penyelidikan Pendidikan* . Syaharom Abdullah (terj ), Kuala Lumpur:DBP, h 124

<sup>13</sup> R.C. Bogdan dan S.K.Biklen (1982), *Qualitative Research for Education An Introduction to Theory and Method*. Boston: Allyn and Bacon Inc., h. 45

teknik soal selidik kerana dalam mengisi borang maklumat informan akan menyatakan nama, jawatan dan tarikh serta menurunkan tanda tangan dalam borang tersebut. Teknik ini dipilih kerana ia menjimatkan masa penulis dan informan. Ia tidak memerlukan temujanji. Para informan boleh mengisi borang tersebut pada masa yang sesuai dengan mereka dan mengembalikan kepada penulis setelah selesai. Namun, kelemahan teknik ini ialah kemungkinan terdapat informan yang lupa mengisinya oleh sebab kesibukan tugas, dan harus diperingatkan. Terdapat informan yang disebutkan jawatannya sahaja. Ini sebabkan mereka tidak membenarkan nama mereka disebutkan dalam kajian ini. Informan-informan yang mengisi borang maklumat ialah:

- (i) En. Shahid Amin bin Abdullah. Beliau adalah Kaunselor sepenuh masa MATRI. Beliau adalah bekas pelajar MATRI. Beliau juga merupakan setiausaha Unit Tugas-tugas khas yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pendidikan remaja di MATRI. Beliau juga merupakan informan yang penting kerana beliau merupakan pelaksana program-program pendidikan remaja di MATRI setelah mendapat kelulusan Unit Tugas-tugas Khas.
- (ii) Ustaz Shaari bin Awang. Beliau adalah bekas pelajar MATRI, berkelulusan dari Univerti al-Azhar, Mesir. Beliau adalah Guru Penasihat Kadet Remaja Sekolah (KRS) MATRI berpangkat Leftenan Penuh. Beliau juga merupakan Ketua Guru Penasihat Pasukan Hoki MATRI.

- (iii) Ustaz Zainuddin Zakaria. Beliau adalah bekas pelajar MATRI dan berkelulusan Universiti Islam Madinah. Beliau adalah Guru Penasihat Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat MATRI. Beliau juga merupakan Setiausaha Persatuan Lepasan MATRI (PLM).
- (iv) Ketua Warden Asrama MATRI. Seorang lelaki yang juga bekas pelajar MATRI.
- (v) Ketua Warden Asrama Puteri (ASPURI) MATRI. Seorang wanita, beliau juga bekas pelajar MATRI dan juga Ketua Guru Penasihat Persatuan Puteri Islam Malaysia MATRI.

Pengisian borang maklumat ini didapati banyak membantu dalam proses pencarian maklumat kerana:

- (i) ia lebih relevan daripada segi ketepatannya kerana informan lebih bertanggungjawab disebabkan mereka perlu menjawab dengan menyertakan nama dan jawatan mereka serta menurunkan tanda tangan.
- (ii) ia mudah dikendalikan kerana tidak terikat dengan masa yakni tidak perlu dibuat temujanji terlebih dahulu.

Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada teknik ini telah penulis kumpul dan rumuskan. Setelah itu penulis menggunakan bagi menulis tentang bentuk program pendidikan atau tarbiah yang dilaksanakan di MATRI dan telah penulis muatkan dalam bab IV.

### **3.2.5 Pemerhatian**

Adalah sesuatu yang logik, jika seseorang ingin mengetahui sesuatu, dia akan pergi ke tempat berkenaan dan membuat pemerhatian. Semakin banyak pemerhatian yang dibuat, semakin seseorang pengkaji itu berkeyakinan terhadap konklusi yang akan dibuatnya. Hasilnya, suatu teori secara perlahan-lahan dibina secara deduktif daripada pemerhatian yang dibuat secara sistematis. Teori tersebut, apabila didapati berulang setiap kali pemerhatian dibuat, dapat digunakan untuk menjangka masa hadapan dan dijadikan panduan tindakan.<sup>14</sup>

Pemerhatian boleh dibahagikan kepada pemerhatian secara formal dan informal. Walaubagaimana pun pemerhatian secara informal atau secara *hanging out* atau bergaul dalam situasi yang diperhatikan didapati berkesan kerana ia lebih mesra (*friendly*), dan kurang menghasilkan reaksi yang mungkin boleh mengurangkan kenaturalan suasana yang diperhati. Walaubagaimanapun semakin banyak pemerhatian secara informal dibuat, semakin banyak pergantungan kepada daya ingatan dan mungkin boleh menambahkan kemungkinan bias. Sekiranya pengkaji boleh mengurangkan bias, kualiti data yang diperolehi secara natural itu adalah lebih baik dan bermakna.<sup>15</sup>

Proses pemerhatian yang dilakukan oleh penulis adalah lebih bersifat informal dengan berada bersama-sama pelajar ketika program pendidikan remaja dijalankan

---

<sup>14</sup> Richard Pring (2002), *op.cit.* h. 33

<sup>15</sup> Edward L. Vockell dan J. William Asher (1995), *op.cit.* h. 199

semasa di luar waktu sekolah khasnya program yang dijalankan di surau sekolah. Pemerhatian secara tidak formal, lebih sesuai digunakan kerana ia tidak menyebabkan reaksi tidak natural daripada pelajar-pelajar dan guru-guru. Pengalaman penulis mengikuti kelas pengajian Tuan Haji Dahlan bin Mohd.Zain, Mudir MATRI kini , sejak beliau mengajar di Surau Tanjung Gorah dan kemudiannya di Surau MATRI, banyak membantu penulis dalam proses memahami sejarah penubuhan dan pendidikan di MATRI. Kehadiran anak-anak penulis yang belajar di MATRI juga memudahkan penulis hadir melakukan pemerhatian dan bergaul dengan guru-guru dan pelajar-pelajar MATRI. Seperti yang disebutkan di atas, masalah yang dihadapi dalam teknik ini ialah bias, kerana penulis telah kenal dengan guru-guru MATRI. Namun sebagai pengkaji penulis perlu memelihara kesahan kajian ini dan penulis berusaha untuk tidak bias dalam menulis kajian ini. Sebagai bukti, pada penghujung bab IV penulis juga membincarkan tentang beberapa kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan pendidikan di MATRI.

Proses pemerhatian ini dilakukan dalam beberapa waktu tertentu bagi tempoh yang panjang tetapi secara khususnya sejak penulis membuat keputusan untuk mengkaji sekolah ini iaitu mulai awal tahun 2002. Pemerhatian dilakukan dengan hadir bersama ketika program-program pendidikan remaja yang dijalankan di surau MATRI seperti solat jamaah, kuliah mingguan pada petang Sabtu, bacaan *al-Ma'thūrāt*, bacaan al-Quran, tazkirah dan memerhati keadaan di luar surau seperti cara kehadiran pelajar ke program, latihan pasukan beruniform, aktiviti sukan dan

permainan dan sebagainya. Di samping itu penulis juga mengambil kesempatan membuat pemerhatian ketika hadir ke majlis Ekspo MATRI, Hari Ibu Bapa dan Kokurikulum MATRI 2002, dan Hari Kokurikulum MATRI 2003. Penulis juga mengambil kesempatan untuk memerhatikan beberapa program pendidikan yang dijalankan di Kem Rekreasi dan Motivasi Wang Mu yang dimiliki oleh MATRI.

Hasil daripada pemerhatian tersebut penulis dapat mengenali corak pendidikan remaja di MATRI dan dapat merumuskan secara deduktif tentang rupa bentuk pendidikan remaja di MATRI dan telah penulis gunakan dalam penulisan bab IV.

### **3.2.6 Dokumentasi**

Dokumen adalah mana-mana bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai fenomena yang hendak dikaji. Dokumen boleh dikelaskan kepada dua iaitu:

- (i) Dokumen utama : Gambaran bertulis orang-orang yang melihat dan mengalami sendiri fenomena tersebut.
- (ii) Dokumen sekunder: dokumen yang berdasarkan kepada gambaran orang yang tidak melihat atau mengalami fenomena itu tetapi menyusun dokumen itu berdasarkan maklumat yang diterimanya daripada orang-

orang yang melihat atau mengalami fenomena tersebut atau dengan membaca dokumen utama.<sup>16</sup>

Kebaikan teknik ini ialah ia bebas daripada reaktiviti (kerisauan yang menghasilkan tindakan yang tidak natural) pihak yang dikaji kerana sewaktu dokumen itu dihasilkan mereka tidak menjangka bahawa dokumen-dokumen yang mereka hasilkan itu akan dikaji.<sup>17</sup>

Dalam proses ini penulis telah berpeluang mendapat dokumen-dokumen utama seperti berikut:

- (i) Buku Panduan Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI) Perkampungan Tunjung, 02400 Beseri, Perlis yang dicetak oleh Percetakan Siaran Sd.Bhd., Alor Setar, Kedah.
- (ii) Majalah MATRI, Jilid 3 2001.
- (iii) Buku Panduan Guru MATRI tahun 2002 dan 2003
- (iv) Laporan dan Analisa Peperiksaan PMR, SPM dan STAM Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI) tahun 2002
- (v) Maklumat Tahunan Sekolah Tahun 2003 Unit Pentadbiran MATRI
- (vi) Planner 2002 Yayasan MATRI

\*<sup>16</sup> Kenneth D.Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj). Kuala Lumpur : DBP, h. 480

<sup>17</sup> *ibid.*, h. 483

Dokumen-dokumen tersebut diperoleh daripada pejabat MATRI. Terdapat juga dokumen yang merupakan koleksi peribadi:

- (i) Buku-buku Cenderamata Ekspo Pendidikan MATRI. Ekspo ini telah diadakan sebanyak enam kali. Dokumen ini adalah koleksi sahabat penulis, En. Abdul Latif bin Nazardin. Penulis mengenali beliau sejak tingkatan satu ketika menuntut di Sekolah Menengah Putra pada tahun 1972. Beliau mempunyai dua orang anak yang sedang menuntut di MATRI.
- (ii) Buku Cenderamata Hari Ibu bapa dan Kokurikulum MATRI 2002 dan Buku Cenderamata Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003, semuanya adalah koleksi penulis.
- (iii) Surat-surat yang dikirimkan oleh MATRI kepada penjaga yang berkaitan dengan anak-anak penulis. Ini merupakan koleksi isteri penulis, Puan Rohana binti Abdul Rahman.
- (iv) Buku-buku catatan kelas pengajian mingguan di Surau Tanjong Gorah, Repoh, Perlis yang dikendalikan oleh Tuan Haji Dahlan bin Mohd. Zain, Mudir MATRI sekarang. Ini merupakan koleksi isteri penulis, Puan Rohana binti Abdul Rahman.
- (v) Buku-buku catatan kelas pengajian mingguan yang diadakan di surau MATRI. Ini merupakan koleksi anak penulis, Taqiyah Khadijah binti Ghazali, pelajar tingkatan lima MATRI tahun 2003

Maklumat-maklumat yang penulis perolehi daripada teknik dokumentasi ini telah penulis gunakan dalam penulisan bab I dan bab IV.

### **3.2.7 Kajian Laman Web**

Sesuai dengan perkembangan dalam bidang ICT penulis telah membuat kajian dalam laman web untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Maklumat-maklumat tersebut telah penulis gunakan dalam penulisan bab II dan IV.

Laman web yang telah dirujuk ialah:

- (i) Adolescence Directory On-line (ADOL), Center for Adolescent and Family studies, School of Education, University of Indiana,  
<http://education.indiana.edu/>
- (ii) Chuckiii's College Resources: Education,  
<http://www.chuckiii.com/Reports/Education/>
- (iii) Ma'had al-Tarbiyah al-Islamiyah (MATRI), <http://matri-perlis.com>
- (iv) Reasons for Using Songs in the ESL/EFL classroom,  
<http://iteslj.org/Articles/Schoepp-Songs.html>

### **3.3 Metode Diskriptif**

Kebanyakan metod kajian dalam bidang pendidikan adalah diskriptif, yakni ia mendeskripsi atau menghurai dan mentafsir sesuatu keadaan seperti yang berkaitan

dengan amalan yang dipraktikkan, kepercayaan, sudut pandangan, proses yang sedang berjalan, kesan yang diajami, *trend* yang sedang berkembang dan sebagainya. Pengkaji menghurai dan mentafsir berdasarkan keadaan yang telah berlaku. Ia melihat individu, kumpulan, institusi, metod dan bahan dalam rangka untuk menghurai, membanding, mengklasifikasi, menganalisa dan mentafsir medan yang dikaji.<sup>18</sup>

Dalam membuat kajian ini penulis mengkaji individu-individu yang terlibat dalam proses pelaksanaan pendidikan remaja di MATRI iaitu pelajar-pelajar dan guru-gurunya serta mereka yang pernah berinteraksi dengan pelajar-pelajar MATRI. Penulis juga mengkaji tentang institusi pendidikan yang menjalankan pendidikan remaja iaitu MATRI sendiri dari segi matlamat penubuhannya, *manhāj* pendidikannya, metode serta program pendidikan remaja yang dilaksanakannya. Penulis mendeskripsi atau menghurai, membanding, mengklasifikasi, menganalisa dan mentafsir berdasarkan data-data yang diperolehi. Penulis telah menggunakan metod ini dalam penulisan bab IV.

### 3.4 Metode Historis

Metod historis boleh didefinisikan sebagai evaluasi dan sintesis yang sistematik dan objektif terhadap data-data dalam usaha untuk mendapatkan fakta dan membuat kesimpulan mengenai masa lampau. Ia merupakan suatu usaha

---

<sup>18</sup> Louis Cohen dan Lawrence Manion (1986), *Research Method in Education*, c.2. London: Croom Helm, h. 68

rekonstruksi yang dilakukan berdasarkan penilaian kritikal yang dirangka untuk mendapatkan gambaran tentang masa lalu. Kerja-kerja dalam metod kajian historis meliputi mengidentifikasi permasalahan atau kawasan kajian, membuat hipotesis, menyediakan permasalahan kajian, mengumpul, mengorganisasi, mengesahkan, menganalisa dan memilih data dan menulis laporan kajian.<sup>19</sup>

Kebaikan metod historis adalah:

- (i) Pengalaman masa lampau boleh dijadikan jawapan bagi permasalahan masa kini.
- (ii) Dapat merumuskan *trend* masa kini dan akan datang.
- (iii) Menekankan kepada kepentingan dan kesan pelbagai interaksi yang terdapat dalam semua budaya.

Kemampuan sejarah untuk menggunakan masa lampau bagi menjangka masa hadapan, dan menggunakan masa kini untuk menerangkan masa hadapan, memberikannya suatu kualiti yang unik dan berguna bagi semua kajian ilmiah. Dalam bidang pendidikan, sebagai contoh, kajian historis terhadap idea pendidikan atau institusi pendidikan akan memberikan kefahaman tentang kewujudan sesuatu sistem pendidikan. Seterusnya, berdasarkan kefahaman tersebut, dapat pula menjadi asas yang kuat bagi menentukan kemajuan masa hadapan. Ia membantu para pendidik mengetahui bagaimana dan kenapa sesuatu teori dan amalan itu

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 48

muncul. Ia juga membolehkan para pendidik menggunakan amalan masa lampau untuk menilai amalan yang sedang berlaku dan menjangka yang akan muncul.<sup>20</sup>

Kajian yang dijalankan oleh penulis ini juga mempunyai ciri-ciri kajian historis kerana penulis mengkaji tentang sejarah pelaksanaan pendidikan remaja di MATRI serta program-program pendidikan tersebut yang telah dan sedang dijalankan di MATRI. Penulis mengkaji data-data tentang sejarah penubuhan MATRI, matlamat penubuhan dan perkembangan pendidikan di kalangan pelajar-pelajarnya. Penulis telah mengidentifikasi permasalahan kajian, mengumpul data, mengorganisasikannya iaitu menyusun atur data-data tersebut dalam tajuk dan sub tajuk tertentu, mengesahkan dan menganalisa data-data tersebut.

Penulis dapat menggunakan perkembangan yang telah berlaku untuk menilai pelaksanaan pendidikan remaja di MATRI. Melalui pemerhatian yang dibuat dalam jangka masa yang panjang, penulis dapat merumuskan *trend* yang terdapat dalam pelaksanaan pendidikan remaja di situ. Seterusnya, penulis dapat merumuskan kekuatan-kekuatan yang terdapat dalam pelaksanaan pendidikan remajanya, peluang-peluang yang dapat dimanfaatkan, kelemahan-kelelahannya serta ancaman yang dihadapinya. Perkara ini telah penulis masukkan dalam bab IV. Dalam bab V, penulis telah membuat saranan bagi memperbaiki lagi pendidikan remaja di MATRI dan pendidikan remaja muslim secara umumnya.

---

<sup>20</sup> *Ibid.* h.49

### **3.6 Metode Analisa Data**

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan kaedah induktif iaitu menggunakan data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum. Sebagai contohnya dalam bab IV penulis menebul tujuh orang pelajar Marhalah Khassah MATRI yang mana mereka juga adalah ahli Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Pada pandangan penulis sikap dan pandangan mereka dikira dapat mewakili sikap pelajar MATRI secara keseluruhannya kerana mereka telah belajar di MATRI sejak tingkatan satu yakni selama tujuh tahun dan telah biasa dengan suasana di sekolah ini. Dalam bab IV juga, ucapan dan soalan beberapa orang ibu bapa dalam majlis dialog sempena Hari Ibu bapa dan Kokurikulum MATRI 2002 dan Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003 yang meminta MATRI memberi perhatian yang lebih terhadap pendidikan sahsiah atau tarbiah melebihi akademik dan kokurikulum telah penulis gunakan sebagai mewakili kesemua ibu bapa yang mengantar anak-anak mereka belajar di MATRI.

Penulis juga menggunakan metod deduktif iaitu menggunakan data-data yang bersifat umum untuk memuat kesimpulan yang bersifat khusus. Sebagai contohnya, Dalam bab IV setelah penulis membuat pemerhatian dalam tempoh waktu yang panjang, penulis mendapati program-program di surau hanya dikendalikan oleh pelajar dan didapati terdapat segelintir pelajar yang hadir lewat ke program-program tersebut. Berdasarkan pemerhatian, penulis mendapati bahawa program-program tersebut kurang diawasi oleh guru-guru . Oleh itu penulis merumuskan

bahawa ketiadaan guru yang mengawas menyebabkan terdapat segelintir pelajar yang mengambil kesempatan untuk hadir lewat ke program-program yang dijalankan. Begitu juga penulis mendapati guru-guru MATRI kerap mengadakan kelas tambahan kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga dan lima. Penulis membuat kesimpulan bahawa guru-guru MATRI mempunyai sifat dedikasi dan kerajinan serta lebih mengutamakan kecemerlangan akademik daripada pendidikan atau tarbiah pelajar.

Disamping itu penulis juga menggunakan metod komparatif iaitu membuat perbandingan berdasarkan data-data yang diperolehi. Sebagai contoh, dalam bab IV, penulis membandingkan takwin MATRI pada tahun 2001 dengan takwin 2003 bagi membuktikan bahawa perancangan tahun 2003 lebih menekan kepada aspek akademik berbanding dengan aspek pendidikan sahsiah.

Dalam menilai kedudukan semasa pendidikan remaja di MATRI, penulis telah menggunakan analisa strategik SWOT (*strengths, weaknesses, opportunities and threats*). Analisa ini biasanya digunakan oleh organisasi korporat bagi menentukan kedudukan semasa organisasi berkenaan bagi merancang pelan tindakan masa hadapan. Penulis mengenalpasti kekuatan dalaman yang dimiliki oleh sekolah ini, peluang-peluang yang ada di sekitarnya, kelemahan-kelemahan yang ada dalam pelaksanaan pendidikan pelajarnya dan ancaman dari luar yang boleh mengganggu pelaksanaan pendidikan tersebut. Hal ini telah penulis nyatakan dalam bab IV.

Berdasarkan analisa tersebut, penulis telah mengemukakan saranan untuk mengatasi kelemahan dan mengahdapi ancaman tersebut dalam bab V.

### **3.7 Panduan Penulisan Kajian**

Dalam menulis kajian suatu panduan yang jelas diperlukan oleh seseorang penulis seperti dalam hal membuat proposal, penyusunan kajian, format penulisan, transliterasi an sebaginya. Dalam hal ini ini penulis telah berpandukan kepada *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2001) yang diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

### **3.8 Kesimpulan**

Dalam bab ini penulis telah menjelaskan metode penulisan dan teknik-teknik perolehan data yang digunakan. Dalam proses menganalisa dan mentafsir data penulis cuba sedaya upaya untuk mengelakkan bias kerana peranan seorang pengkaji bukanlah untuk mencari kesalahan atau menonjolkan imej seseorang atau sesuatu institusi tetapi melaporkan yang sebenarnya.